

Dr Mastura Badzis →

bhnta@bharian.com

**Idola** anak

» *Perwatakan, personaliti ibu bapa cerminkan tingkah laku si kecil*

Mummy trendy: Anak perempuan saya berusia empat tahun cukup gemar bergaya dan mengenakan pakaian cantik serta berjenama. Dia pantang melihat kamera dan alat solek. Saya sendiri kadang-kadang menyolek dan meriasnya supaya dia gembira dan memakai pakaian yang agak bergaya. Adakah tindakan saya ini betul dan akan menjadikan kanak-kanak hiperaktif?

Tingkah laku kanak-kanak memaparkan pemilihannya terhadap sesuatu permainan, objek, aktiviti atau perwatakan menggambarkan jantina mereka adalah suatu perkara lumrah dalam dunia kanak-kanak.

Secara umumnya, kanak-kanak perempuan akan menghabiskan masa bermain pondok-pondok, bermain anak patung, 'mengemas rumah' dan sebagainya manakala lelaki kalau di Taman Asehan Kanak-kanak (TASKA) atau Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKKA) akan kelihatan bermain blok, peralatan pertukangan, 'main gaduh-gaduh' dan sebagainya.

Beza jantina
Meskipun kanak-kanak berusia dua tahun masih belum boleh mengenali dan memahami jantina diri sendiri, kajian ilmiah menunjukkan, kanak-kanak seawal usia itu biasanya sudah boleh mengaitkan lelaki sebagai 'kasar' dan perempuan sebagai lemah lembut.

Dalam lingkungan usia tiga tahun, si kecil biasanya sudah boleh membezakan jantina lelaki dan perempuan serta sudah boleh 'meletakkan' dirinya sama ada lelaki atau perempuan. Dalam usia antara tiga hingga enam tahun, kanak-kanak biasanya akan menunjukkan sifat keperempuanan atau kekelakuan 'melebihi' orang dewasa. Maksudnya, mereka su-

kar bertoleransi jika mendapati sesuatu perbuatan dilakukan oleh rakan mereka 'bertentangan' dengan jantina diri, contohnya jika ada kanak-kanak perempuan bermain dengan pistol permainan atau ada kanak-kanak lelaki memakai inai di jari, pasti mereka tidak mahu berkawan dengan kanak-kanak itu.

Perbezaan sifat
Tingkah laku *stereotype* mereka yang menggambarkan kefahaman mengenai perbezaan sifat atau sikap antara lelaki dan perempuan dapat diperhatikan bukan saja melalui cara bermain, jenis permainan dipilih atau cara berpakaian dan sebagainya, malah mereka sudah boleh mengaitkan warna, peralatan, bentuk tingkah laku dan perwatakan individu dengan jantina.

Secara umumnya, anak lelaki akan kelihatan lebih agresif, asertif, menunjukkan kekasaran dan ketegasan, manakala anak perempuan kelihatan lebih lembut, mudah mendengar dan mengikut arahan, suka mengambil berat dan menunjukkan simpati.

Namun, anak di peringkat usia tiga hingga enam tahun ini, sebenarnya belum menyedari dan menghadapi kesukaran memahami lelaki dan perempuan meskipun berbeza dari segi bentuk dan susuk tubuh badan, mereka banyak persamaan dan boleh 'berkongsi' dari segi jenis pekerjaan, aktiviti seharian dan kadang-kadang ada persamaan dari segi cara berpakaian seperti memakai seluar dan kemeja-T atau seumpamanya.

Suka terikut-ikut
Kanak-kanak banyak belajar melalui peniruan dan amat memerlukan seseorang dijadikan sebagai *role model*. Pembelajaran bagi kanak-kanak ialah apa saja yang dapat diperhatikan dan didengar dari persekitaran mereka.

Jika di rumah dia meli-



hat atau mendapati ibunya selalu di dapur, manakala ayahnya selalu sibuk dengan kereta, si kecil akan berpandangan dan mempelajari bahawa tugas mencuci kereta itu adalah tugas orang lelaki.

Jika si ibu seorang yang suka bersolek, kanak-kanak perempuan memang akan terikut-ikut telatah, tingkah laku dan sikap ditunjukkan ibu mereka kerana ibunya adalah contoh teladan bagi dirinya sebagai kanak-kanak perempuan.

Kalaupun mungkin si ibu tidak menyolek atau merias anak perempuannya, biasanya di peringkat usia ini, kanak-kanak perempuan memang secara ditonjolkan ibu mereka kerana ibunya adalah contoh teladan bagi dirinya sebagai kanak-kanak perempuan.

Sikap atau kelakuan sebegini bukan petanda kepada masalah hiperaktif. Hiperaktif atau nama saintifiknya *attention deficit hyperactivity disorder* (ADHD) sebenarnya adalah sejenis gangguan atau masa-

lah tingkah laku diletakkan di bawah kategori khusus 'kesukaran untuk belajar' kerana kesukarannya untuk duduk diam, bermain secara senyap, terluar mudah hilang tumpuan, sering menunjukkan sikap tidak mahu mendengar bila orang lain bercakap dengannya, tampak *restless*, sering mengganggu kanak-kanak lain dan pelbagai lagi ciri-ciri lain seumpamanya.

Namun, hanya pakar dalam bidang berkenaan saja boleh melakukan diagnosis dan mengesahkan kanak-kanak ada ciri-ciri ADHD, contohnya pakar psikiatri kanak-kanak atau pakar psikologi klinikal profesional, itu pun selepas beberapa pertemuan dan beberapa ujian klinikal dilakukan ke atas kanak-kanak berkenaan.

Tangani anak hiperaktif
Jika kanak-kanak menunjukkan tingkah laku agresif tampak keterlaluan atau kelihatan terlalu lasak dan sukar dikawal, itu bukanlah semestinya petanda si kecil adalah hiperaktif, sebaliknya kanak-kanak itu

Anda ada masalah dengan anak?

Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Kanak-Kanak yang juga Penolong Profesor di Institut Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel bhnta@bharian.com.my atau melalui pos di alamat **Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.**



mungkin menjadi *overactive* disebabkan beberapa faktor termasuklah faktor kognitif, emosi, pemakanan dan persekitaran.

Kanak-kanak yang selalu diherdik, kurang mendapat kasih sayang dan belaian dan terganggu emosinya boleh menjadi agresif dan bertindak *overactive* disebabkan tekanan yang dialami.

Kanak-kanak yang kurang zat makanan atau terlalu banyak makan makanan bergula atau makanan mengandungi perisa makanan juga boleh menjadi *overactive* kesan dari tindak balas kandungan makanan itu terhadap tubuh badan.

Faktor kognitif berkait rapat dengan tingkah laku *overactive* ini pula termasuk ketidakupayaan berkomunikasi dan meluahkan perasaan kerana kemahiran bahasa masih belum dikuasai dengan baik atau sering gagal melakukan sesuatu kerana terpaksa atau dipaksa melakukan sesuatu yang di luar kemampuannya.

Dari segi persekitaran, kanak-kanak boleh menjadi *overactive* disebabkan kesesakan ruang untuknya bermain, atau tiada ruang *privacy* yang sesekali dapat menjauhkan dirinya dari kebisingan; malah kanak-kanak juga boleh menjadi *overactive* kerana tidak diberi peluang bermain atau kerana terkurung di dalam bilik dan tidak mendapat pengudaraan mencukupi.

INFO**Tip kendali tingkah laku anak**

- ⊗ **Menjadi** contoh teladan baik kepada si kecil.
- ⊗ **Tidak** dengan begitu mudah dan sewenang-wenangnya melabel si kecil sebaliknya mencari punca dan faktor kenapa tingkah laku 'overactive'.
- ⊗ **Memastikan** hak dan keperluan asas kanak-kanak dipenuhi.
- ⊗ **Melihat** daripada 'perspektif kanak-kanak' bukan perspektif orang dewasa.
- ⊗ **Memberi** peluang kepada kanak-kanak bermain kerana kanak-kanak belajar melalui eksperimen, penerokaan dan pengalaman langsung yang mana bermain adalah 'kerja' kanak-kanak dan kecenderungannya secara semula jadi.
- ⊗ **Mengelakkan** memberikan tekanan emosi dan mental kepada kanak-kanak.